



19 SEP, 2023

## Bursa Malaysia ditutup rendah susulan aktiviti ambil untung



Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 1

### Bursa Malaysia ditutup rendah susulan aktiviti ambil untung

**KUALA LUMPUR** - Bursa Malaysia mengakhiri dagangan Isnin dengan lebih rendah akibat aktiviti pengambilan untung secara sederhana selepas meraih peningkatan pada Jumaat lepas, kata penganalisis.

Pada 5 petang, indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) turun 1.04 mata kepada 1,457.99 daripada 1,459.03 yang dicatat pada Jumaat lepas.

Indeks petunjuk utama itu susut 2.07 mata kepada 1,456.96 dan bergerak dalam jajaran 1,452.86 hingga 1,458.46 sepanjang sesi dagangan.

Pasaran secara meluas kurang memberangsangkan dengan kaunter rugi mengatas Untung iaitu 498 berbanding 468 manakala 396 kaunter tidak berubah, sebanyak 1,011 tidak diniaga-

kan dan 23 lain digantung dagangannya. Jumlah dagangan berkurangan kepada 3.38 bilion unit bernilai RM2.12 bilion daripada 4.02 bilion unit bernilai RM4.31 bilion pada Jumaat.

Naib Presiden Penyelidikan Ekuiti Rakuten Trade Sdn Bhd Thong Pak Leng berkata kebanyakan indeks utama serantau juga berada dalam wilayah negatif ketika pelabur mengikuti rapat perkembangan bank-bank pusat berkaitan kadar faedah masing-masing.

Bank pusat China, People's Bank of China (PBOC) dijadual mengumumkan keputusan berkaitan kadar utama pinjamannya pada Rabu manakala Bank of Japan (BOJ) pula dijadual bermesyuarat pada Jumaat.

"Namun, konsensus atau jangkaan ramai yang ketara di pasaran menjangkakan

bank-bank pusat itu akan bertindak memastikan kadar faedah semasa masing-masing kekal rendah.

"Bagi bursa tempatan, kami percaya aktiviti jualan hari ini memberi peluang kepada pelabur untuk membeli saham-saham pada kadar lebih rendah, terutama kaunter minyak dan gas," katanya.

Sehubungan itu, beliau menjangkakan FBM KLCI untuk bergerak dalam jajaran 1,450 hingga 1,465 pada minggu ini.

Dari sudut teknikal, indeks penanda aras itu telah membentuk paras sokongan baharu pada 1,445 daripada 1,440 sebelum ini manakala paras rintangan kekal tidak berubah pada 1,465, katanya.

Saham wajaran tinggi menyaksikan Maybank naik dua sen kepada RM8.93, Public Bank meningkat satu sen kepada RM4.20, TNB meraih lapan sen kepada

RM10.14 manakala CIMB turun dua sen kepada RM5.76 dan Petronas Chemicals turun 16 sen kepada RM7.27.

Bagi saham aktif, Icon Offshore dan Malaysian Resources Corp masing-masing naik satu sen kepada 11.5 sen dan 46.5 sen dan UEM Sunrise menokok 11.5 sen kepada 84.5 sen.

Ekovest dan Classita masing-masing turun setengah sen kepada 54.5 sen dan 6.5 sen.

Di papan indeks pula, Indeks FBM Emas turun 8.85 mata kepada 10,762.32, Indeks FBMT 100 susut 10.15 mata kepada 10,434.64, Indeks FBM 70 berkurangan 25.83 mata kepada 14,226.00, Indeks FBM Emas Shariah turun 15.71 mata kepada 10,995.64 manakala Indeks FBM ACE menguncup 20.06 mata kepada 5,189.44. -Bernama